



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

TINGKAT 11, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2612 5600

Fax: 603-2612 5620

Email: humanrights@suhakam.org.my

Web: www.suhakam.org.my

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

REKOD HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA BAKAL DISEMAK UNTUK KALI KEDUA PADA 24 OKTOBER 2013

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menyeru orang ramai untuk mengambil maklum tentang Rekod Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia bagi semakan kedua, yang akan dijalankan pada 24 Oktober 2013 di Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva, Switzerland.

UPR merupakan satu mekanisme yang ditubuhkan oleh Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) pada tahun 2007 yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan hak asasi manusia di setiap negara melibatkan 193 Negara Anggota PBB. Di bawah UPR, rekod hak asasi manusia Negara-negara Anggota akan dinilai semula setiap empat tahun setengah oleh Kumpulan Kerja UPR yang terdiri daripada 47 ahli HRC.

Dalam tempoh ini, setiap Negara Ahli perlu menunaikan komitmen mereka terhadap masyarakat antarabangsa dengan melaksanakan syor-syor yang telah diterima semasa sesi UPR, dengan sasaran untuk mencapai rekod hak asasi manusia yang lebih baik sebelum penilaian seterusnya dijalankan. Malaysia telah dinilai dalam kitaran pertama UPR pada 11 Februari 2009 dan bakal dinilai bagi kali kedua oleh Kumpulan Kerja UPR pada 24 Oktober 2013.

Pada penilaian kitaran pertama, Malaysia telah menerima 62 daripada 103 syor yang dikemukakan oleh Kumpulan Kerja UPR dalam pelbagai isu hak asasi manusia termasuklah, penyertaan kepada triti hak asasi manusia antarabangsa; kajian semula undang-undang yang sedia ada dan sistem kehakiman; hak asasi golongan rentan termasuk Orang Asli/Asal, wanita dan kanak-kanak; pekerja asing; pemerdagangan orang; serta hak-hak pendidikan, ekonomi dan kesihatan.

Memandangkan bahawa Kumpulan Kerja akan menilai pelaksanaan Malaysia terhadap hasil penilaian sebelumnya dan juga syor-syor yang diterima serta perkembangan mengenai situasi hak asasi manusia di negara ini, Suruhanjaya ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa inisiatif perundangan semasa yang dilakukan demi kepentingan keselamatan, ketenteraman awam atau pencegahan jenayah, khususnya pindaan ke atas Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang memperkenalkan peruntukan-peruntukan yang bersifat mundur dan tidak selaras dengan prinsip-prinsip asas hak asasi manusia, akan membawa kepada penelitian dan kritikan masyarakat antarabangsa terhadap Negara yang secara tidak langsung akan menjejaskan rekod hak asasi manusia Malaysia di forum antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk menunjukkan pematuhan sepenuhnya dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa dan memenuhi janji dan komitmen secara sukarela yang dikemukakan semasa mempertahankan pencalonannya untuk keahlian HRC, yang mana kesemuanya adalah asas UPR.

Suruhanjaya juga menyeru pihak-pihak berkepentingan yang lain, terutamanya media dan ahli-ahli pertubuhan masyarakat sivil untuk memainkan peranan masing-masing dalam menyokong usaha merealisasikan hasil penilaian ke arah meningkatkan situasi hak asasi manusia di Malaysia.

Bersempena UPR kali kedua Malaysia, Suruhanjaya dan 10 pihak berkepentingan yang lain telah mengemukakan laporan masing-masing kepada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (OHCHR) yang mana kesemuanya telah digabungkan sebagai salah satu daripada tiga dokumen utama yang akan dikaji semula oleh Kumpulan Kerja. Dokumen-dokumen ini boleh didapati di laman web Majlis Hak Asasi Manusia di <http://www.ohchr.org/EN/HRBodies/UPR/Pages/MYSession17.aspx>.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

Tan Sri Hasmy Agam

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

7 Oktober 2013